

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 FEBRUARY 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/02/1061777/sektor-pertanian-dapat-peruntukan-besar-belanjawan-2023>

Sektor pertanian dapat peruntukan besar Belanjawan 2023



Rafizi berucap pada pelancaran Pemantauan Ekonomi Malaysia ke-27 diterbitkan Bank Dunia bertajuk 'Expanding Malaysia's Digital Frontier' di Kuala Lumpur, hari ini - NSTP/ Aziah Azmee

KUALA LUMPUR: Sektor pertanian dijangka mendapat peruntukan yang lebih dalam pembentangan semula Belanjawan 2023 pada 24 Februari ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata peruntukan yang lebih itu adalah bagi menarik lebih ramai orang berkecimpung dalam pengeluaran hasil pertanian di peringkat akar umbi.

Beliau berkata, lebih banyak program juga akan diperkenalkan membabitkan pertanian bagi menggalakkan orang ramai menyertai sektor berkenaan.

Katanya, usaha kerajaan adalah untuk memastikan mereka yang terbabit dalam sektor berkenaan kekal mampan dengan menghubungkan pengeluar hasil pertanian terutama berkemahiran rendah dengan pasaran.

"Jumlah dan peruntukan kena tunggu pengumuman Belanjawan 2023. Apa yang boleh saya katakan memang ada peruntukan lebih kepada sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada pelancaran Pemantauan Ekonomi Malaysia ke-27 diterbitkan Bank Dunia bertajuk 'Expanding Malaysia's Digital Frontier' di sini, hari ini.

Rafizi berkata, peruntukan semula dalam sektor pertanian itu adalah untuk meningkatkan produktiviti negara dan mengurangkan kebergantungan kepada import.

Beliau berkata, lebih banyak program akan dilaksanakan kementerian yang bertanggungjawab dan Kementerian Ekonomi juga akan melancarkan program berkaitan pertanian selepas Belanjawan 2023 diumumkan.

Sementara itu, Rafizi berkata, kerajaan akan meningkatkan pendigitalan secara menyeluruh di negara ini dengan mempercepatkan inisiatif yang ada dalam MyDigital.

Beliau berkata, kerajaan akan memastikan pendigitalan berlaku secara pantas dalam sektor awam dengan keutamaan memastikan perkongsian data sektor awam berlaku lebih pantas.

Katanya, dengan perkongsian pantas pangkalan data membolehkan kerajaan melaksanakan subsidi bersasar secara berkesan dan adil dengan menepati kumpulan sasaran.

"Kita masih lagi belum berupaya menggabungkan pangkalan data yang ada di setiap agensi. Dengan adanya pangkalan data berpusat, ia membolehkan khidmat dan proses digitalisasi yang lain dibina di sekelilingnya.

"Justeru, menjadi keutamaan kami ialah kerjasama antara kementerian dan agensi," katanya.